

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) yang ditubuhkan pada tahun 2014 dalam meningkatkan inovasi dan kreativiti usahawan di Malaysia hingga setakat ini terutamanya di Sarawak.

JAWAPAN

Jawapan kepada YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]

- *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre Berhad (Pusat*

Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia - MaGIC) adalah salah sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang telah dilancarkan pada April 2014. Mandat yang telah digalaskan kepada MaGIC adalah melaksanakan program-program keusahawanan berlandaskan inovasi dan kreativiti dalam ekosistem keusahawanan. Ini adalah ke arah mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara keusahawanan.

- Selain menyuntik semangat keusahawanan yang lebih kukuh, program-program berjadual anjuran MaGIC telah membuka ruang kepada para peserta untuk mempersiapkan diri dengan sikap dan kemahiran yang penting dalam mendepani cabaran dunia perniagaan yang kompetitif di pasaran serantau dan antarabangsa.
- Sejak penubuhannya kira-kira 28,000 golongan muda telah melalui pelbagai program latihan keusahawanan MaGIC dalam pelbagai bentuk sejak pelancarannya. Fokus diberikan kepada dua bidang sasaran utama. Fokus pertama adalah sektor keusahawanan '*high growth*' yang menekankan keusahawanan

komersil ataupun keusahawanan konvensional yang bermotifkan keuntungan maksimum. Fokus kedua pula adalah dalam bidang keusahawanan sosial (*social entrepreneurship*), iaitu bidang keusahawanan yang menggunakan model perniagaan dalam penyelesaian permasalahan sosial dan mengambilkira kesan alam sekitar yang memberi impak terhadap sesebuah komuniti.

- Bagi sektor keusahawanan '*high-growth*', MaGIC telah melatih usahawan-usahawan sejak 2014 menerusi pelaksanaan program-program berikut:
 - a. *e@Stanford* (usahasama dengan Universiti Stanford) - kira-kira 100 usahawan yang telah mendapat manfaat sehingga kini di mana kebanyakan usahawan telah mengubah serta menunjukkan inovasi dalam model perniagaan mereka setelah menjalani program tersebut. Perniagaan usahawan-usahawan tersebut bukan sahaja lebih berkembang malah berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing selepas 6 bulan.
 - a. *Stanford Go-To-Market* - membabitkan kira-kira 90 usahawan sehingga kini. Dari aspek keberkesanan, individu-individu yang

melalui program ini lebih bersedia untuk menyertai bidang keusahawanan kerana telah memperolehi asas-asas kemahiran yang diperlukan dan berani menghadapi risiko-risiko dalam bidang masing-masing;

a. *Stanford Technology Ventures (STVP)* - penyertaan tenaga pengajar terpilih daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan ditaja oleh MaGIC dalam usaha membantu meningkatkan pelaksanaan program keusahawanan di kalangan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta tempatan. Keberkesanan program ini dapat dilihat dari penyertaan 6 buah IPT yang telah terlibat sejak program ini dimulakan. Tenaga pengajar terpilih telah dilatih menjalankan sistem *Train-the-Trainers* ke fakulti-fakulti lain di institusi masing-masing;

a. Program pendedahan usahawan menerusi penyertaan dalam pelbagai persidangan antarabangsa termasuk "*Tech in Asia*" di Singapura dan Jakarta, Indonesia di mana usahawan-usahawan mendapat pendedahan kepada '*market access*' dan rangkaian global;

- a. Program *Distro Dojo* bersama rakan strategik 500Startups adalah program dikhaskan untuk usahawan peringkat matang yang ingin pergi ke peringkat lebih tinggi. Usahawan-usahawan yang menjalani program ini telah menjana perkembangan yang amat ketara terutama daripada aspek teknologi;
- a. Program Pecutan MaGIC (MaGIC Acceleration Program - MAP) - melatih seramai 150 usahawan mampan. Keberkesanan program ini terbukti apabila lebih dari 20 peratus usahawan-usahawan telah mendapat akses pembiayaan luar dan dalam negara;
- a. Siri simposium Akademi MaGIC yang menyediakan pelbagai topik berkaitan inovasi dan keusahawanan terpilih. Program '*High Growth*' Startups dan *Social Entrepreneurs* ini telah memberi pendedahan dan latihan dari usahawan dan pakar 'Startups' dalam dan luar negeri yang telah berjaya dalam bidang masing-masing; dan

a. Program-program latihan lain di bawah Akademi MaGIC merangkumi bidang keusahawan, *soft skills* dan juga bidang teknologi dan digital. Keberkesanan program ini di Sarawak amat jelas setelah peserta menjalankan beberapa latihan anjuran Akademi MaGIC dan Keusahawanan Sosial di sana. Ramai usahawan muda lebih berani menerokai bidang yang lebih kreatif dan inovatif dalam pelbagai sektor. Keberkesanan juga dapat dilihat dari subjek teknologi yang masih kurang kepakarannya di Malaysia, di mana individu-individu menjadi usahawan, Ketua Pegawai Teknologi atau vendor kepada syarikat-syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

- MaGIC juga melaksanakan pelbagai program dalam membangunkan keusahawanan sosial / *social enterprise* (SE). Dalam bidang ini, MaGIC telah berjaya melaksanakan program-program berikut:

a. Program SEHATI, iaitu program kesedaran asas yang disasarkan kepada masyarakat umum yang telah menyaksikan

- penyertaan seramai 20,221 orang di seluruh negara;
- b. Siri program latihan lanjutan kepada 8,067 orang usahawan sosial di peringkat awal dan pertumbuhan asas; dan
 - c. Pembiayaan 38 projek keusahawanan sosial membabitkan dana sebanyak RM2.52 juta.
-
- Berdasarkan kajian, didapati 67 peratus daripada peserta-peserta program MaGIC SE telah berjaya meningkat daya keusahawanan masing-masing. Selain itu, MaGIC SE juga didapati berjaya mendapat pulangan RM7 bagi setiap RM1 yang dibelanjakan ke atas usahawan sosial menerusi program-program yang telah dianjurkan MaGIC. Daripada kesemua usahawan SE yang dibiayai oleh MaGIC, sebanyak 14 peratus datang dari Sarawak manakala daripada keseluruhan usahawan sosial yang menjalani program *accelerator*, sebanyak 17 peratus adalah usahawan Sarawak.